

The 3rd ASEAN + 3 Students and Teachers for the Gifted in Science Camp

- Korea Selatan, 31 Julai 2011 – Lima orang pelajar Program Pendidikan PERMATApintar™ telah merangkul dua pingat emas, satu pingat perak dan dua pingat gangsa di The 3rd ASEAN + 3 Students and Teachers for the Gifted in Science Camp di Universiti Kebangsaan Jeju, Pulau Jeju, Korea Selatan. Pelajar berkenaan ialah Muhammad Nur Sadiqin bin Mohd Khusni dan Nurshafiqah Mohamad Zaini yang mendapat pingat emas. Pelajar lain ialah Nurul Ain binti Ali Sudirman yang memperoleh pingat perak manakala Syahmi bin Masli dan Nurul Syahirah binti Muhamad telah mendapat pingat gangsa. Muhammad Nur Sadiqin bin Mohd Khusni turut menperolehi biasiswa dari pihak pengangur iaitu ASEAN+3 Center for the Gifted in Science(ACGS) bagi menghadiri APEC 2012 yang akan diadakan di Indonesia pada tahun hadapan.
- Pingat emas dimenangi menerusi projek Pelampung Bertenaga Ombak Dan Angin Serta Penyuling Air dari Muhammad Nur Sadiqin dan Penggunaan Alga Sebagai Bahan Api Mentah dari Nurshafiqah. Manakala, Nurul Ain memenangi pingat perak menerusi projek Kipas Pengecas Bertenaga Solar. Projek yang bertajuk Pertukaran Semula Plastik Kepada Minyak dan Penggunaan Gas Hidrat Dalam Kehidupan yang memenangi pingat gangsa dihasilkan oleh Nurul Syahirah dan Syahmi.
- Seramai 51 orang pelajar sekolah menengah dan 20 orang guru daripada 10 buah negara terlibat dalam kem ini. Negara-negara tersebut ialah Malaysia, Indonesia, Brunei Darussalam, Singapura, Thailand, Filipina, Vietnam, Korea, Amerika Syarikat dan Sweden. Kem ini bertujuan menyediakan persekitaran kondusif dan memberi peluang kepada pelajar pintar dan guru sains untuk meneroka sesuatu yang baharu dan seterusnya mencipta sesuatu inovasi yang mesra alam serta membawa perkembangan dan kedamaian dunia.



Barisan hadapan, Syahmi bin Masli, Muhammad Nur Sadiqin bin Mohd Khusni,
Barisan belakang, Nurshafiqah binti Mohamad Zaini, Nurul Syahirah binti Muhamad,
Nurul Ain binti Ali Sudirman.